

# Kejayaan anjur sukan dunia bukti Malaysia selamat dikunjungi

UM 29 JAN 2002  
Oleh ISMAIL DAUD

KUALA LUMPUR 28 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kejayaan penganjuran beberapa acara sukan bertaraf dunia di negara ini membuktikan Malaysia adalah sebuah negara yang selamat untuk dikunjungi.

Perdana Menteri berkata, tanpa persekitaran yang selamat, tidak mungkin atlet-atlet dari seluruh dunia berani datang ke negara ini untuk mengambil bahagian.

“Kesemua atlet tersebut datang ke sini tanpa sebarang paksaan atau perasaan takut walaupun ada pihak yang melabelkan Malaysia sebagai negara pengganas,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan pusingan kelayakan Junior X Games III dan Asian X Games VI di sini hari ini.

Sebanyak 350 atlet dari seluruh Asia dan Australia mengambil bahagian dalam pusingan kelayakan kali pertama diadakan di Malaysia itu.

Pusingan akhir pertandingan itu akan diadakan di Philadelphia, Amerika Syarikat pada penghujung tahun ini.

Dr. Mahathir berkata, selain X Games, Malaysia juga baru sahaja menganjurkan Kejohanan Go-Kart Rotax Max Grand Final dan Ironman Langkawi Malaysia Triatlon semalam.

“Kita juga akan menganjurkan Le Tour de Langkawi minggu depan dan perlumbaan kereta Formula Satu Mac depan.

“Semua ini diharap akan memberikan gambaran yang lebih jelas kepada masyarakat dunia tentang keadaan di Malaysia yang bukan sahaja selamat tetapi hijau dan

dihuni oleh masyarakat yang peramah,” katanya.

Dalam pada itu, Perdana Menteri yakin sukan lasak seperti X Games akan dapat menarik minat masyarakat Malaysia terutama generasi muda.

“Saya lihat ramai yang berminat dengan sukan ini. Mungkin cabaran-cabaran yang wujud dalam sukan ini menarik minat mereka,” katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap lebih banyak syarikat swasta tampil untuk menaja pertandingan seumpama itu yang membolehkan generasi muda menunjukkan keupayaan mereka.

“Ia (penajaan) mungkin tidak memberikan pulangan secara langsung tetapi dalam jangka panjang, mereka akan dapat merasakan pulangnya,” katanya.